



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YANG BERHORMAT SPEAKER**

**MAJLIS SANTAPAN
SEMPENA PEMBUKAAN PENGGAL KEDUA
PERSIDANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS**

**GRAND BALLROOM,
HOTEL CONCORDE SHAH ALAM**

**PADA
18 MAC 2019**

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Patik dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, berkenan mencemar Duli berangkat ke Istiadat Perasmian Pembukaan Penggal Kedua, Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada pagi ini dan seterusnya berangkat hadir ke Majlis Santapan pada malam ini.

Segala titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di perasmian tersebut akan dihayati dan dibahaskan oleh ADN sekalian. Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berhubung dengan pembentukan dasar dan polisi untuk pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat jelata pelbagai kaum dan agama di negeri Selangor akan diberikan perhatian oleh patik dan seluruh ADN.

Patik juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak khususnya Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Setiausaha Dewan dan urus setia yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Persidangan Dewan kali ini.

Ampun Tuanku,

Di kesempatan ini, patik mewakili semua ADN ingin menyampaikan salam takziah kepada ahli keluarga Allahyarham Bakhtiar Bin Mohd Nor yang telah meninggal dunia baru-baru ini. Sumbangan beliau khususnya sebagai wakil rakyat di Semenyih amatlah dihargai dan dikenang sepanjang hayat.

Berita duka ini menjadikan jumlah kekosongan sebanyak empat kerusi Dewan Negeri Selangor iaitu di Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong dan terakhir Semenyih sejak pilihan raya umum keempat belas pada Mei lalu sekaligus Selangor merekodkan negeri tertinggi mempunyai PRK pasca-PRU.

Di sini juga, patik ingin mengucapkan tahniah kepada ADN Semenyih yang baharu, Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi atas kejayaan beliau pada Pilihan Raya Kecil awal bulan ini. Patik juga mengucapkan tahniah kepada Y.B. Timbalan Speaker yang baharu dipilih, iaitu Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi. Selamat berkhidmat kepada kedua-dua orang Y.B. atas amanah serta mandat yang diberikan demi Selangor yang lebih maju, progresif dan berkeadilan.

Tidak dilupakan juga penghargaan dan terima kasih kepada Mantan Timbalan Speaker, Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman yang banyak membantu melancarkan perjalanan Dewan Negeri Selangor sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Patik dengan penuh takzimnya ingin menarik perhatian Tuanku dan seluruh para hadirin malam ini bahawa pada tahun ini Dewan Negeri Selangor akan menyambut ulang tahunnya yang ke-60, seusia dengan Parlimen Malaysia. Dengan enam dekad Dewan Negeri Selangor yang mulia ini berdiri teguh, patik berharap semua ADN terus menjunjung prinsip Demokrasi Berparlimen Raja Berperlembagaan agar ia terus subur dan utuh. Patik menyeru ADN keseluruhannya terus memelihara, melindungi, dan mempertahankan ketinggian Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 tanpa kompromi.

Ampun Tuanku,

Ikan kerapu di bawah batu,
Merpati putih di ranting kayu;
Selangor bersatu bertambah maju,
Menjunjung kasih Duli Tuanku.

Selama patik menggalas amanah selepas dilantik sebagai Speaker Dewan Negeri Selangor selama lebih 9 bulan ini, pelbagai aktiviti telah berjalan dan pencapaian yang amat signifikan bagi Dewan Negeri Selangor.

Patik berpuas hati dan berbangga dengan komitmen dan kerjasama Ahli-ahli Dewan Negeri keseluruhannya untuk sama-sama memperkasakan mutu badan legislatif negeri melalui pelbagai langkah reformasi serta pembaharuan.

Antara reformasi yang dimaksudkan adalah:

Pertama, dalam usaha meningkatkan kualiti institusi pembangkang selaku agen semak imbang dalam badan legislatif di negeri ini, peranan pembangkang terus diperkasa. Dewan Negeri Selangor telah melantik 2 orang ahli pembangkang dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) walaupun daripada segi komposisi ADN, ahli pembangkang hanya sekitar 10 peratus. Pelantikan ini bagi menjamin ketelusan dalam siasatan jawatankuasa selari semangat demokrasi yang matang. SELCAT yang telah diasaskan pada 2008 oleh Mantan Speaker, Y.B. Dato' Teng Chang Khim telah mengadakan beberapa siri pendengaran awam berkaitan pelbagai isu di Selangor dan sekaligus mengharumkan nama Dewan Negeri Selangor.

Sebagai kesinambungan, pada tahun ini Jawatankuasa Pilihan Khas SELCAT akan mengadakan pendengaran awam mengenai pentadbiran negeri seperti PBT, agensi dan anak syarikat kerajaan negeri serta sebagainya.

Kedua, sukacitanya Dewan Negeri Selangor terus menjadi rujukan dan minat pelbagai pihak sebagai peneraju reformasi badan legislatif di Malaysia. Sebagai contoh, baru-baru ini DUN Melaka telah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Melaka (MELCAT) hasil beberapa siri lawatan ke Dewan Negeri kita tahun lepas. Pada bulan lepas, kita telah menerima kunjungan rasmi sulung para Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas MELCAT, Melaka ke atas Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas SELCAT, Selangor yang menjadi sumber inspirasi penubuhan jawatankuasa penting ini di sana. Bagi patik, ia merupakan satu pencapaian besar dan signifikan dalam melonjak nama unggul Dewan Negeri Selangor.

Selain itu, tidak lupa juga Dewan Negeri Selangor menerima lawatan daripada wakil DUN Johor bagi mempelajari modul dan pelaksanaan program ADUN Muda Selangor, sebuah program inisiatif pendidikan politik khususnya sistem perundangan Selangor yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013 lagi oleh Y.B. Puan Hannah Yeoh, untuk dilaksanakan di Negeri Johor. Program pendidikan politik seperti ini adalah penanda aras pendidikan politik kepada masyarakat terutama kepada belia setanding amalan negara-negara maju dalam Komanwel.

Selama patik diamanahkan sebagai Speaker juga, Dewan Negeri Selangor tidak putus mendapat dan membuat kunjungan balas kepada DUN-DUN negeri lain seperti DUN Johor, DUN Negeri Sembilan, DUN Terengganu, DUN Kedah, DUN Melaka dan selepas sidang dijangkakan DUN Kelantan bagi sama-sama berkongsi ilmu dan praktik terbaik bagi memperkasa kualiti perkhidmatan masing-masing sebagai sebuah badan legislatif yang disegani.

Tidak ketinggalan kunjungan terbaru 2 orang tetamu rasmi luar negara dari Amerika Syarikat awal bulan ini daripada Massachusetts General Courts, sebuah Dewan

Negeri di Massachusetts. Masing-masing mewakili dewan senat dan dewan perwakilan di Boston untuk mempelajari struktur dan tatacara perjalanan Dewan Negeri Selangor.

Ketiga, hal ehwal ADN senantiasa menjadi keutamaan Dewan Negeri Selangor, dan ingin dimaklumkan salah satunya dalam Resolusi Retreat ADN di Langkawi pada 17 Oktober 2018 yang lepas, *retreat* sebulat suara memutuskan cadangan penambahbaikan seperti berikut:

1. Kenaikan Gred Y.B. ADN daripada Gred 52 kepada Gred 54.
2. Lantikan pemandu Y.B. Ahli Dewan Negeri secara *contract for service* dengan gaji RM3,500.00 sebulan.
3. Kenaikan Elaun Kehadiran Persidangan Dewan Negeri sebanyak RM350.00 sehari.
4. Penambahan seorang Kerani Kawasan di setiap Pusat Khidmat DUN.
5. *Medical Check Up* Y.B. Ahli Dewan Negeri setahun sekali.

Tinggilah harapan Dewan Negeri Selangor semoga resolusi ini dapat dilaksanakan secepat mungkin secara berperingkat dengan pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Bagi meningkatkan mutu khidmat penyampaian, kajian dan perbahasan berkesan ADN pula, Dewan Negeri Selangor akan menganjurkan Bengkel Pembantu dan Penyelidik Efektif pada bulan hadapan khusus untuk para pembantu dan penyelidik kepada setiap ADN. Patik percaya ADN yang berkualiti tinggi bergantung kepada pasukan pembantu yang berkualiti.

Ampun Tuanku,

Ke Sungai Besar mencari tenggiri,
Di malam purnama cahaya berseri;
Kita bangsa tinggi pekerti,
Bersatu demi kemakmuran negeri,

Patik komited memastikan hak yang sama rata dan adil terhadap semua ADN sama ada ahli parti kerajaan mahupun pembangkang. Patik akan terus menumpukan perhatian kepada usaha-usaha pemerkasaan Dewan Negeri Selangor dan persidangan Dewan Negeri demi keluhuran institusi ini.

Patik menjunjung titah DYMM Tuanku berkenaan tingkah laku dan disiplin seluruh ADN. Patik menggesa semua ADN supaya lebih proaktif menyertai perbahasan di dalam Dewan Negeri, memberi pandangan yang bernas serta melontarkan kritikan yang membina. Diingatkan kepada semua ADN supaya mengelakkan Dewan Negeri Selangor daripada dijadikan medan membangkitkan kebencian yang berunsurkan keagamaan dan perkauman yang sekaligus mengkhianati sumpah, mencemar kemuliaan dewan dan melanggar Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor 1965. ADN juga dinasihatkan tidak menimbulkan perbalahan yang tidak membina pembentukan masyarakat yang progresif apabila disemai semangat fanatik agama dan kaum yang sempit dalam perbahasan.

Patik juga melihat hubungan baik dan erat antara semua ADN dengan ketua-ketua jabatan serta agensi kerajaan negeri amat mustahak. Jadi patik merancang untuk memperkenalkan inisiatif siri program bersama, anjuran Pejabat Dewan Negeri Selangor secara tahunan. Hubungan baik ini penting bagi melancarkan sistem perkhidmatan dan penyampaian terbaik kepada setiap aduan serta permasalahan harian rakyat.

Ampun Tuanku,

Sebelum mengundur diri, patik ingin mengingatkan diri patik dan Ahli-ahli Dewan Negeri sekalian, semoga 10 bulan mendatang bagi penggal kedua ini kita semua terus komited menjalankan amanah dan mandat rakyat dengan penuh tanggungjawab. Penekanan konsep politik khidmat perlu didakap erat dalam kerangka Malaysia Baharu ini.

Bunga digubah perawan jelita,
Bunga melur harum baunya,
Jika ada terkasar bicara,
Tiada yang lain ampun dipinta.

Patik sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk berangkat hadir di majlis yang sangat bermakna ini. Patik serta sekalian rakyat jelata menadah tangan memohon kepada Tuhan agar mengurniakan keselamatan dan kesejahteraan kepada Sultan kami yang dikasihi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, dilanjutkan usia Tuanku dalam sihat sejahtera agar bertambah mulia lagi berdaulat memerintah Negeri Selangor Darul Ehsan dengan adil dan saksama.

Demikian juga kami pohonkan keselamatan dan kesejahteraan kepada Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor. Seterusnya kepada Yang Amat Mulia Puteri-Puteri Baginda As-Sultan, Adinda-Adinda, Waris-Waris serta Kerabat Diraja sekalian.

Sekian, sahaja sembah ucapan Patik. Menjunjung Kasih. Ampun Tuanku.